



KONSEP PERBANDARAN DAWLAH ‘UTHMĀNIYYAH DALAM KULLIYE SULEYMANIYE

[OTTOMAN URBANIZATION CONCEPT IN *KULLIYE SULEYMANIYE*]

AHMAD SOBRIE AB RAHMAN,¹ MOHAMAD ZAIDIN MOHAMAD¹ & NOORSAFUAN CHE NOH¹

¹ Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
21300 Kuala Nerus, MALAYSIA.
e-mail: mzaidin@unisza.edu.my; noorsafuancn@unisza.edu.my

*Corresponding Author: noorsafuancn@unisza.edu.my

Received: 18 April 2024 | Accepted: 25 May 2024 | Published: 30 June 2024

Abstrak

Kajian ini bertitik tolak daripada beberapa sarjana yang mengkaji ketamadunan Uthmaniyyah di era pemerintahan Sultan Sulaiman al-Qanuni yang mengatakan kajian mengenai *kulliye* hanya tertumpu kepada reka bentuk seni binanya sahaja dan perlunya kepada penerokaan dalam menilai *Kulliye Suleymaniye* dari aspek yang berbeza. Di samping itu juga, kepentingan untuk mengkaji pembangunan perbandaran berasaskan *kulliye* pada masa kini masih lagi tidak banyak diterokai sedangkan model ini telah berjaya pada suatu ketika dahulu khasnya semasa era dawlah ‘Uthmāniyyah. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis konsep perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah dan menganalisis asimilasi konsep perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah terhadap *Kulliye Suleymaniye*. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian sejarah. Kajian ini bersifat kajian kualitatif dengan menggunakan metodologi analisis teks. Data kajian diperoleh melalui dokumen bertulis seperti buku, jurnal, manuskrip, artikel persidangan, tesis dan sebagainya. Data juga diperoleh melalui pemerhatian yang dijalankan di *Kulliye Suleymaniye*, Istanbul, Turkiye. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima *elemen perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah yang diketengahkan dalam Kulliye Suleymaniye*. Pertama kedudukan semula jadi yang strategik, kedua pembinaan masjid sebagai nadi utama perbandaran, ketiga pembangunan pentadbiran yang sistematik, keempat pembangunan intelektual dan pendidikan serta kelima pembangunan fizikal *kulliye*. Justeru *Kulliye Suleymaniye* telah mengasimilasi lima elemen perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah dalam pembinaannya.

Keywords: dawlah ‘Uthmāniyyah, *Kulliye*, *Kulliye Suleymaniye*

Abstract

This study is based on the work of several scholars who have researched Ottoman civilization during the reign of Sultan Suleiman the Magnificent. They argue that studies on the külliye have only focused on its architectural design and that there is a need for exploration to evaluate the Suleymaniye Külliye from different perspectives. In addition to that, the importance of studying urban development based on kulliye nowadays is still not explored much while this model was successful in the past especially during the Ottoman era. Thus, this study is carried out to analyze the concept of Ottoman urbanism and its assimilation in the Suleymaniye Kulliye. By using quantitative research based on historical research design, the data for this study are collected through textual approach. Meantime, the analysis is done using a descriptive approach. Research data were obtained from written documents such as books, journals, manuscripts, conference articles, theses, and observations conducted at the Suleymaniye Kulliye, Istanbul, Turkey. The findings show that there are five elements of Ottoman urbanism highlighted in the Suleymaniye Kulliye. First, a strategic natural location, second, the construction of a mosque as the main hub of urbanization, third, systematic administrative development, fourth, intellectual and educational development, and fifth, physical development of the kulliye. Thus, the Suleymaniye Kulliye has assimilated five elements of Ottoman urbanism in its construction.

Keywords: Ottoman, Kulliye, Kulliye Suleymaniye

Cite as: Ahmad Sobrie Ab Rahman, Mohamad Zaidin Mohamad & Noorsafuan Che Noh. (2024). Konsep Perbandaran Dawlah 'uthmāniyyah Dalam Kulliye Suleymaniye [Ottoman Urbanization Concept in Kulliye Suleymaniye]. *Internasional Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(1), 42-63.

PENGENALAN

Bandar merupakan simbol sebuah peradaban kerana perkembangan sebuah tamadun bermula dari sebuah bandar yang diwujudkan oleh penduduknya. Dalam tamadun Islam, dapat dilihat peranan sesebuah bandar sebagai pusat perkembangan agama dan tamadun. Bandar juga merupakan sebuah pusat perubahan (*Centre of Change*). Sebagai contoh, Madinah. Madinah terkenal dengan kesuburan tanah dan maju dengan tanaman pertanian berbanding dengan Makkah yang terletak di lembah berbatu. Pada awalnya, Yathrib bukan sebuah bandar tetapi hanya rumah dan teratak kecil yang dikelilingi oleh taman dan ladang pertanian. Kedatangan Rasulullah SAW mengubah keadaan tersebut menjadi sebuah bandar yang dikenali ramai sehingga ke hari ini.

Hakim B.S (1986) menyatakan bahawa kajian mengenai perbandaran Islam mula menjadi satu bidang yang dikaji adalah pada suku pertama abad ke-20M. Sejak daripada itu, pelbagai jenis kajian terhadap sesuatu kawasan atau bandar dikaji dan juga artikel mengenai bandar-bandar Islam muncul. Pada akhir tahun 1960M, pelbagai pendekatan dan metodologi dikenal pasti seperti kajian kewujudan bentuk bandar masyarakat Islam, kajian tentang keadaan masyarakat setempat dan akhir sekali kajian khusus terhadap bangunan atau monumen seperti masjid. Bidang perbandaran Islam sudah menjadi antara bidang yang menarik minat pengkaji bukan sahaja bagi pengkaji Islam, tetapi juga pengkaji bukan Islam. Bidang perbandaran Islam bukan sahaja terhad bagi golongan arkitek, jurutera tetapi sejarawan juga boleh melakukan kajian terhadap perbandaran Islam. Melalui perkembangan perbandaran Islam, sejarawan boleh melihat susunan peristiwa dan kronologi yang berlaku dalam

bandar tersebut. Pembangunan sesebuah bandar sangat memberi kesan terhadap aspek pembangunan tamadun Islam. Sebuah tamadun tidak akan terdiri sekiranya tidak mempunyai bandar.


Menurut Ahmad Zaki (2011), kajian terhadap bandar Islam dianggap penting kerana pembangunan bandar Islam membawa kepada kemajuan sesebuah tamadun:

“Cities and civilization the words, the concepts, the experience are implicit each other. The study of traditional Muslim cities touches on all aspects of Islamic civilization, and to understand traditional Muslim cities we must appraise the historical context in which they have developed, the nature of the society they embodied, and their cultural significance”

Kegemilangan perbandaran terus terlakar semasa pemerintahan dawlah ‘Uthmāniyyah. Setelah Konstantinopel berjaya ditawan oleh Sultan Mehmed II al-Fātih, beliau seterusnya bercita-cita untuk menjadikannya sebagai ibu kota dawlah ‘Uthmāniyyah yang paling menarik di mata dunia dan beliau turut berhasrat untuk menjadikan Istanbul sebagai pusat tumpuan kegiatan ilmu pengetahuan pada masa tersebut sebagaimana Mesir, Syria, Iran dan Turkestan pada suatu ketika.

Menurut Saoud (2004) sebelum kebangkitan dawlah ‘Uthmāniyyah iaitu di bawah pemerintahan Saljuq, pusat pentadbiran mereka dikenali sebagai *hana*. *Hana* adalah merupakan sebuah pusat pentadbiran yang terdiri daripada masjid, madrasah dan makam. Namun, selepas kejayaan dawlah ‘Uthmāniyyah memegang tampuk pemerintahan kerajaan, mereka telah menukarkan *hana* menjadi sebuah kompleks yang dikenali sebagai *kulliye*. *Kulliye* merupakan sebuah kompleks pentadbiran kerajaan dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Dalam perbincangan ringkasnya tentang *kulliye*, Watenpaugh menerusi karyanya *The Image Of An Ottoman City* (2004) menyatakan bahawa *kulliye* merupakan salah satu komponen utama bagi pembinaan kota atau bandar dawlah ‘Uthmāniyyah.

Sebagai contoh Kompleks Suleymaniye turut dikenali sebagai *Kulliye Suleymaniye*. Kompleks ini merupakan bangunan yang terkenal dengan sejarah dan seni binanya. Kompleks ini merupakan sebuah karya agung disebabkan tujuan pembinaan, kaedah pembinaan, seni bina dan pengurusannya. *Kulliye Suleymaniye* yang dilengkapi dengan 21 buah komponen bangunan. 21 buah komponen bangunan tersebut merangkumi Masjid Suleymaniye, sekolah rendah (*sibyan mektepi*), madrasah al-Qur’an (*dar al-qurra*), madrasah hadith (*dar al-hadith*), madrasah Evvel (*evvel medrese*), madrasah Sani (*Sani medrese*), madrasah Salis (*Salis medrese*), Madrasah Rabi (*Rabi medrese*), madrasah perubatan (*Tip medrese*), madrasah Mulazım, hospital (*dar al-shifa*), farmasi (Darul Akakir), rumah tamu (*Tabhane*), dapur awam (*imaret*), rumah sauna (*hamam*), perpustakaan, bazar, makam dan kubur, balai cerap (*muvakkithane*) menara air (*çeşme*) dan tandas. Kesemua bangunan itu memenuhi keperluan sebuah kehidupan. Susun atur bangunan dalam *Kulliye Suleymaniye* ini juga ditunjukkan dalam Gambar rajah A.



Rajah 1: Pelan Kulliyeh Süleymaniye

Sumber: Necipoglu, 2005)

DEFINISI KULLIYE MENURUT BAHASA

Perkataan *kulliyeh* berasal daripada perkataan Turki ‘Uthmāniyyah yang diambil dari *kulliyat* perkataan bahasa Arab. Dalam bahasa Arab *kulliyat* (كلية) bermaksud semua. Istilah asasnya adalah *kul* (كل) bermaksud semua (The Oxford English-Arabic, 1972). Dalam bahasa Turki, istilah *kulliyat* (كلية) ini menjadi *kulliyeh* (külli) yang bermaksud semua (The Concise Oxford Turkish Dictionary, 1975). Oleh itu, dengan mengambil maksud asas dalam bahasa Arab maka kolektif, *kulliyat* dan *kulliyeh* ini membawa maksud himpunan semua daripada segi fizikal mahupun peranan untuk mencapai sesuatu matlamat. Hal ini kerana berkemungkinan konsep *kulliyeh* era dawlah ‘Uthmāniyyah yang menjadi satu pusat lengkap dan menyeluruh dalam menawarkan perkhidmatan meliputi aspek keagamaan, pendidikan, sosial dan komersial (Ahmad Zaini Dahlan, 1992).

Tiada definisi tepat dan disepakati terhadap perkataan ini. *Kulliyeh* menurut *Encyclopaedia of Islam* (1986) adalah kompleks yang terdiri daripada beberapa bangunan yang dibina dengan pelbagai tujuan berpaksikan masjid sebagai komponen utama. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan *kulliyeh* sebagai satu kumpulan bangunan atau binaan terdiri daripada beberapa binaan dan sebagainya yang bercantum menjadi suatu keseluruhan.

Dalam glosari bukunya *A History of Ottoman Architecture*, Goodwin (2011) mentakrifkan *kulliyeh* sebagai komponen bangunan-bangunan yang menawarkan perkhidmatan pendidikan dan amal yang bergantung kepada sumber kewangan dari masjid. Definisi Kuran dalam dua glosari bukunya, *The Mosque in Early Ottoman Architecture* (1969) dan *Sinan: The Grand Old Master of*

Ottoman Architecture (1987) menyatakan bahawa *kulliye* adalah kompleks yang terdiri daripada beberapa bangunan.


Dari segi istilah, *kulliye* menurut Kuran (1968) merujuk kepada kompleks bangunan sahaja tanpa menyatakan perincian. Menurut Aslapana (1971) pula, *kulliye* merujuk kepada kompleks yang biasanya terdiri daripada masjid, satu atau lebih madrasah, hospital, *khan*, pasar tertutup, makam, rumah inap dan *imaret*. Manakala Goodwin (1993) pula menyebutnya sebagai kompleks bangunan dengan pelbagai tujuan dan berpusat di sekitar masjid.

Sementara itu, menurut Petersen (1996) *kulliye* bermaksud sebuah kompleks besar yang mengelilingi masjid terdiri daripada madrasah, perpustakaan, rumah sauna dan dapur rakyat. Freely pula menyatakan bahawa (2011) *kulliye* merupakan kompleks pendidikan, agama dan institusi lain yang biasanya bergabung dengan masjid. Bagi Hakky (1992), *kulliye* terdiri daripada tiga atau lebih fasiliti agama, pendidikan, sosial dan komersial yang dibina oleh penaung sebagai wakaf untuk kepentingan komuniti.


Bagi sesetengah sarjana, takrif *kulliye* adalah sebagai *one stop center* atau dikenali sebagai pusat setempat. Misalnya, Nangkula Uterberta dan Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi (2014) berpendapat *kulliye* merupakan sebuah kompleks yang mempunyai berbagai-bagai peranan yang dijalankan di dalamnya. Dengan maksud lain, beberapa bangunan yang memainkan peranan sebagai pusat setempat seperti pendidikan, pentadbiran, kesihatan dan lain-lain. Dalam hal ini, *kulliye* adalah pusat pembangunan masyarakat yang terbaik dalam memenuhi pelbagai tuntutan kegiatan masyarakat. Selain itu, kedudukan masjid yang bersatu dengan penempatan penduduk mengoptimumkan peranan masjid sebagai pusat sosio-agama.

Hakky (1992) mendedahkan peranan *kulliye* yang bersifat kolektif yang memberi maksud himpunan semua bangunan daripada segi fizikal dan peranan kepada masyarakat. Peranan ini merangkumi keperluan kebajikan masyarakat di setiap peringkat dan aspek. Peranan kolektif masjid mula muncul pada zaman 'Abbāsiyyah. Sejak itu, ia berevolusi sehingga mencapai kesempurnaan pada era dawlah 'Uthmāniyyah. Persekitaran *kulliye* telah berkembang hasil daripada aktivitiya mencakupi pusat sosial masyarakat dan tempat peribadatan. Persekitarannya mempunyai bangunan yang berperanan sebagai pendidikan, perubatan, penyediaan makanan, perekonomian, penginapan dan perlindungan.

Dalam kajian ini, definisi *kulliye* yang paling komprehensif diaplikasikan adalah *kulliye* ialah pusat komuniti bagi sesuatu kawasan kejiranan. Ia terdiri daripada beberapa bangunan yang saling berkaitan di sekeliling masjid. Konsep *kulliye* diasaskan kepada fungsi masjid pada awal era pemerintahan Islam iaitu satu bangunan menempatkan tempat solat dan pengajaran serta berfungsi sebagai tempat penginapan. Masjid dan aktiviti sekitarnya menjadi pusat kepada masyarakat. Masjid dengan pelbagai peranan (*multi-function*) seperti memiliki bangunan masjid, madrasah, sekolah, hospital, farmasi, penginapan bagi para sufi, hotel untuk para musafir, *hamam*, dapur umum, perumahan untuk para guru mengaji, tempat olah raga, kafe, kedai, makam para raja serta tempat perkuburan umum. Secara praktikalnya, penduduk bandar boleh menjalankan pelbagai aktiviti di *kulliye*, sama ada belajar, membeli-belah atau mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Pentadbiran *kulliye* ini pula digerakkan melalui sistem wakaf yang memiliki kuasa kewangan yang mampu berfungsi tanpa bantuan daripada kerajaan tetapi aktiviti-aktivitinya dipantau oleh kerajaan.

Rajah B Gambaran *Kulliyeh*

Berdasarkan Gambar rajah B, bangunan-bangunan yang dibina dalam setiap *kulliyeh* bersifat pelengkap antara satu sama lain. Struktur pembinaan kompleks ini menggunakan konsep *kulliyeh* seni bina 'Uthmāniyyah dengan menjadikan masjid sebagai pusat pelbagai aktiviti dan sekelilingnya didirikan kemudahan lain seperti pusat pendidikan, hospital dan sebagainya. Kemudahan yang terdapat di dalam *kulliyeh* dawlah 'Uthmāniyyah bolehlah diterjemahkan dalam komponen kemudahan kontemporari serta peranannya masa kini seperti mana Gambar rajah C.

Rajah 3c: Translasi kemudahan yang terdapat di *kulliyeh* kepada kontemporari

KONSEP KULLIYE

Menyelusuri sejarah, konsep *kulliye* ini telah pun bermula terlebih dahulu sejak era pemerintahan Banu Saljūq lagi. Namun begitu, ketika era Banu Saljūq *kulliye* hanya terdiri daripada bangunan yang memberikan perkhidmatan seperti *imaret*, hamam dan perkuburan yang membentuk sebuah kompleks kecil yang dipanggil *maknāyiye*. Konsep *kulliye* seperti yang wujud di dawlah ‘Uthmāniyyah merupakan hasil transformasi pemerintah dawlah ‘Uthmāniyyah. Ketika era dawlah ‘Uthmāniyyah *kulliye* dibangunkan sehingga mencapai tahap yang dapat dibanggakan Ketika itu, ia muncul menjadi sebuah pusat sosio-agama yang komprehensif.

Institusi *kulliye* dalam dawlah ‘Uthmāniyyah melalui sejarah yang panjang sejak awal penubuhannya sehinggalah sekarang. Proses perkembangan *kulliye* dalam dawlah ‘Uthmāniyyah wujud secara berperingkat-peringkat. Ia seperti meneruskan legasi yang ditinggalkan oleh kerajaan Islam sebelumnya. Menurut Kuran (1968), evolusi *kulliye* di dawlah ‘Uthmāniyyah dibina secara berperingkat dan dibina mengikut fungsi utama *kulliye* tersebut boleh dibahagikan kepada tiga fasa utama. Fasa pertama iaitu pada abad ke-14M, pembinaan *kulliye* yang terdiri dari tiga atau empat bangunan komponen sosial seperti masjid, madrasah dan *imaret* serta pembinaannya masih bersekala kecil. Antara contoh *kulliye* yang dibina pada fasa pertama ialah *Kulliye Ulu Camii* yang dibina pada tahun 1396M di Bursa. Fasa kedua iaitu pada abad ke-15M pula menyaksikan *kulliye* dibina terdiri daripada empat atau lima komponen dibina dan bersekala sederhana. Contoh *kulliye* yang dibina pada fasa kedua ialah *Kulliye Üç Şerefeli* yang bina pada tahun 1438M di Edirne. Pembinaan *kulliye* fasa ketiga iaitu pada abad ke-16M sehingga abad ke-19M pula mempunyai dewan solat yang besar dan terdapat lebih dari tujuh komponen sosial dibina serta dibina dengan sekala besar. Contoh *kulliye* yang dibina pada fasa ini ialah *Kulliye Faṭih* di Istanbul. Fasa pengukuhan *kulliye* iaitu ketika ibu kota dawlah ‘Uthmāniyyah masih lagi di Bursa dan Edirne. Manakala fasa perkembangan dan kegemilangan *kulliye* adalah ketika ibu kota dawlah ‘Uthmāniyyah di Istanbul. Selain itu dengan insentif pemerintah dawlah ‘Uthmāniyyah mereka juga memusatkan segala kemudahan pembelajaran dan aspek kebajikan dibiayai oleh harta wakaf.

FALSAFAH PEMBINAAN KULLIYE

Falsafah pembinaan *kulliye* berfungsi sebagai institusi sokongan rohani, sosial dan ekonomi ini dibina dalam tiga bahagian berlainan yang saling berhubung antara satu dengan yang lain dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama bangunan *kulliye* terdiri daripada masjid, rumah penjagaan warga tua, hospital, kemudahan pendidikan (sekolah, kolej dan universiti), perpustakaan, rumah tetamu, pusat penyediaan makanan (*imaret*), perkhidmatan air awam (*public fountains*) dan tanah-tanah perkuburan. Unit-unit komponen bangunan ini dibina secara kolektif yang dipanggil *hayrat* ini berperanan untuk menyediakan pelbagai bentuk perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat (Hakky, 1992). Perkhidmatan-perkhidmatan ini disediakan kepada pelbagai golongan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama mahupun keturunan dan telah diberikan tanpa dikenakan sebarang bayaran.

Bahagian kedua *kulliye* ini pula terdiri daripada bangunan-bangunan perniagaan seperti kedai, hamam, bazar, pasar tertutup (*bedesten*) dan rumah-rumah penginapan pedagang (*tabhane*). Komponen bangunan dalam bahagian kedua ini yang juga dipanggil *akarat* ini berfungsi sebagai penjana sumber pendapatan untuk membiayai kos dan penyelenggaraan bangunan dalam bahagian

pertama. Manakala bahagian ketiga pula terdiri daripada bangunan-bangunan yang menempatkan kediaman penduduk di sekeliling bahagian pertama (*hayrat*). Bahagian ketiga *kulliye* ini pula adalah masjid yang dibina dan ditempatkan di tengah-tengah *kulliye* bagi membolehkan masyarakat melaksanakan tanggungjawab mereka kepada pencipta yang agung, iaitu Allah SWT (Martelius, 2015).

Pembinaan *kulliye* melalui konsep *hayrat* dan *akarat* dengan menempatkan unit-unit entiti wakaf seperti masjid, rumah penjagaan warga tua, hospital, institusi pendidikan (sekolah, kolej dan universiti), perpustakaan, rumah tetamu, *imaret*, perkhidmatan air awam (*public fountains*), tanah-tanah perkuburan, bazar, *tabhane* dan kawasan penempatan penduduk di sekeliling *kulliye* jelas merupakan binaan yang begitu unik yang berfungsi sebagai sebuah mekanisme pembangunan sosio-ekonomi masyarakat.

Falsafah utama di sebalik penubuhan *kulliye* adalah untuk memenuhi keperluan spiritual dan fizikal masyarakat dawlah 'Uthmāniyyah. Antara fungsi bangunan yang dibina dalam *kulliye* adalah untuk memberi perkhidmatan sosial kepada masyarakat, menjana pendapatan dan menjadi syiar Islam melalui bangunan *kulliye* yang dibina adalah mesra alam.

Jadual 1 Aspek Asas Pembinaan Kulliye

Pusat (rohani)	Bahagian 1 (<i>Hayrat</i> -sosial)	Bahagian 2 (<i>Akarat</i> -ekonomi)	Bahagian 3 (sosial)
Memudahkan masyarakat sekeliling menunaikan tanggungjawab mereka kepada Allah SWT.	Menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat	Penjana pendapatan untuk pembiayaan kos dan penyelenggaraan segala kemudahan yang dibina di <i>hayrat</i> .	Kawasan kediaman penduduk yang mengelilingi <i>hayrat</i> .
Masjid	Rumah ibadat, rumah penjagaan warga tua, hospital, sekolah, kolej, universiti, perpustakaan, rumah tetamu, pusat pengedaran makan, perkhidmatan air awam dan tanah perkuburan	Bangunan-bangunan komersial seperti kedai, perkhidmatan mandi (<i>hamam</i>), bazaar, pasar tertutup (<i>bedesten</i>) dan rumah persinggahan pedagang (<i>carravanseraei</i>).	

Berdasarkan Jadual A, tiga aspek asas falsafah pembinaan *kulliye* ialah rohani, sosial dan ekonomi. Selain itu susun atur bangunan-bangunan yang dibina secara teratur dan bersistematik menjadi sebuah bandar pusat rohani. Dalam konsep ini, *hayrat* bertujuan menyediakan bangunan yang memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat. *Akarat* pula bertujuan membangunkan bangunan yang menjana pendapatan untuk pembiayaan kos dan penyelenggaraan

segala kemudahan yang dibina di *hayrat*. Konsep ini saling berkait antara satu sama lain melalui hubungan antara bangunan komersial, bangunan sosial, bangunan ibadat, yang mengukuhkan kestabilan masyarakat tanpa mengenakan sebarang bayaran. Konsep ini jelas memperlihatkan pertalian serta penyatuan yang erat antara bangunan-bangunan secara fizikal dan spiritual.

Sebagaimana yang dipaparkan, dapat difahami bahawa pembiayaan wakaf dalam pembinaan *kulliye* bertujuan kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia memberi kebaikan kepada Islam dan manusia. Kebaikan meliputi beberapa aspek iaitu, menyediakan kemudahan kepada masyarakat, meningkatkan tahap pendidikan, kesihatan, perbandaran, agama dan apa saja yang memberikan manfaat kepada masyarakat. Dengan berwakaf segala keperluan masyarakat terutamanya fakir miskin, anak-anak yatim, ibu tunggal serta musafir mendapat pembelaan. Dengan adanya pembiayaan wakaf dalam *kulliye* ini, secara langsung dapat menegakkan hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia. Pembiayaan sebegini bukan sahaja menjadi tunjang perekonomian masyarakat Islam terdahulu malah menjadi pemangkin kepada keharmonian dan kesamarataan sepanjang sejarah pemerintahan Islam.

MODEL BANDAR DAWLAH 'UTHMĀNIYYAH

Perbandaran diambil dari kata dasar bandar yang membawa maksud tempat atau pusat yang ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan dijalankan (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007). Manakala pembandaran bermaksud usaha menjadikan sesuatu kawasan atau daerah dan penduduknya berubah kepada corak perbandaran atau meresap unsur perbandaran seperti perindustrian, pembangunan, dan perniagaan dan juga dikenali sebagai urbanisasi.

Dari sudut etimologi, Ahmad Zaki (2011) menjelaskan bahawa istilah yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan bandar ialah istilah tamadun (dalam bahasa Melayu), *'umrān*, *hadārah*, *tamaddun*, *madīnah*, *madāniyyah* (dalam bahasa Arab), dan *civilization* (dalam bahasa Inggeris). Istilah *'umrān* pertama kali digunakan oleh 'Abd al-Rahman Ibn Khāldūn (1993) dalam kitabnya *al-Muqadīmah*. Istilah *'umrān* yang digunakan Ibn Khāldūn lebih membawa kepada makna tamadun. Tamadun itu pula disifatkan oleh Childe (1950) sebagai bandar. Manakala Rosenthal (1940) pula menterjemahkan *'umrān* kepada *urbanization*. Justeru, dapat dilihat di sini bahawa istilah tamadun dan bandar ternyata mempunyai ikatan yang kuat antara satu sama lain. Hal ini kerana setiap tamadun yang agung itu terdiri daripada bandar-bandar yang besar. Namun dua istilah ini iaitu tamadun dan bandar tetap mempunyai perbezaan kerana bandar ialah satu wadah atau tempat bagi mengukur kemajuan sesuatu tempat manakala tamadun pula merupakan kayu ukur bagi sifat masyarakat yang telah mencapai tahap keinsanan dan ketinggian budi pekerti.

Menurut Freely (2011) dua metode yang digunakan oleh pemerintah dawlah 'Uthmāniyyah dalam usaha membangunkan perbandaran mereka. Setelah berjaya menakluki wilayah baharu, pemerintah dawlah 'Uthmāniyyah akan mewujudkan satu komuniti atau kejiranan baharu di kawasan yang baharu ditakluki itu dengan mewujudkan atau membina *kulliye* baharu. Hal ini juga menjadikan salah satu faktor mengapa institusi *kulliye* sangat penting kepada pembangunan dawlah 'Uthmāniyyah. Kawasan kejiranan baharu ini telah ditubuhkan di sekitar *kulliye* yang menawarkan perkhidmatan masjid, madrasah, *hamam* dan *tekke* (rumah penginapan samada untuk tarekat sufi atau terbuka untuk awam) dan lain-lain kemudahan. Dengan kata lain, keperluan untuk menempatkan dan menyediakan perkhidmatan untuk masyarakat adalah sebab di sebalik kegemilangan *kulliye* dawlah 'Uthmāniyyah.

Metode yang digunakan oleh pemerintah dawlah ‘Uthmāniyyah dalam usaha berdakwah kepada penduduk setempat. Apabila mereka menakluki bandar-bandar daripada kerajaan Byzantine, gereja terbesar di bandar tersebut akan ditukar menjadi masjid manakala gereja kedua terbesar akan kekal sebagai gereja. Mereka bertindak membangunkan *hamam*, madrasah, *imaret*, sumber air, jalan raya, jambatan dan *tabhane* di kawasan gereja yang ditukarkan menjadi masjid itu.

Pemerintah dawlah ‘Uthmāniyyah tidak mengganggu kawasan penempatan asal kawasan yang ditawan tetapi menubuhkan kawasan penempatan baru dengan membina *kulliye* yang terletak di luar kawasan bandar asal. Oleh kerana pemerintah dawlah ‘Uthmāniyyah mengamalkan dasar toleransi dengan agama lain, mereka tidak mengganggu penempatan lama yang wujud di kota yang ditakluki. Mereka biasanya membina kawasan kejiranan mereka sendiri di luar penempatan lama. Untuk membangunkan komuniti di penempatan baharu, mereka mendirikan pusat yang menyediakan semua perkhidmatan sivik iaitu *kulliye*. Pusat sebegini menjadi nadi kepada komuniti baharu yang membolehkan kawasan kediaman baharu berkembang. Contohnya *Kulliye Suleymaniye* yang terletak di kejiranan Fātiḥ di Istanbul yang dibina pada tahun 1550M oleh Sultan Suleymān al-Qānūni.

ELEMEN PERBANDARAN DAWLAH ‘UTHMĀNIYYAH YANG DIKETENGAHKAN DALAM KULLIYE SULEYMANIYE


Freely (2011) dalam karyanya *A History of Ottoman Architecture* menyatakan bahawa bandar-bandar dawlah ‘Uthmāniyyah mempunyai beberapa elemen seperti berikut kedudukan semula jadi yang strategik, pembinaan masjid, seni bina pembangunan fizikal bandar, pentadbiran yang bersistematik dan pembangunan intelektual dan pendidikan.

Oleh itu bagi pencerakinkan prinsip perbandaran konsep perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah terhadap *Kulliye Suleymaniye*, teori Freely (2011) dalam karyanya *A History of Ottoman Architecture* telah digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan teori yang digubah oleh Freely (2011) ini, lima elemen utama yang dijadikan induktor untuk pencerakinkan prinsip perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah dalam *Kulliye Suleymaniye*, lima elemen tersebut adalah pertama kedudukan semula jadi yang strategik. Kedua pembinaan masjid, ketiga seni bina pembangunan fizikal bandar. Keempat pentadbiran yang bersistematik, kelima pembangunan intelektual dan pendidikan.

Teori ini sangat penting dalam kajian ini dalam memahami apakah konsep perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah dan bagaimana asimilasi konsep perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah dalam *Kulliye Suleymaniye*. Freely menyatakan tahap kemunculan sebuah bandar dawlah ‘Uthmāniyyah adalah melalui beberapa peringkat penting iaitu bermula dari pemilihan bandar yang berkedudukan semula jadi serta strategik. Pada peringkat ini, pembinaan bandar adalah bertujuan supaya dijadikan kawasan penempatan dan berlandung, maka pembinaan bandar haruslah diambil perhatian supaya segala benda yang merbahaya dijauhkan daripada bandar dengan cara mempunyai pentadbiran dan undang-undang yang dapat memelihara kesejahteraan bandar.

Seterusnya, adalah peringkat pembinaan masjid. Dalam membina sebuah bandar dawlah ‘Uthmāniyyah menjadi kemestian untuk membina sebuah masjid. Hal ini kerana masjid menjadi pusat utama perkumpulan masyarakat untuk menunaikan solat dan ibadah serta menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Selepas itu, barulah tumpuan diberikan kepada aspek-aspek lain seperti pembinaan pasar raya, istana, bangunan pentadbiran, sekolah dan kawasan penempatan. Hal ini jelas dilihat dalam sejarah kegemilangan Islam di mana bandar-bandar dawlah ‘Uthmāniyyah dibina dengan mempunyai kemudahan-kemudahan yang lengkap dan sempurna.

Seterusnya ialah institusi ilmu antara keperluan yang di perlukan oleh masyarakat. Selain bandar menjadi sebuah tempat tinggal, bandar yang bagus adalah menjadi medan perkembangan ilmu pengetahuan. Sejarah kegemilangan Islam melakarkan bandar-bandar raya menjadi tempat berkumpul dan berlindungnya orang yang berilmu serta dahagakan ilmu. Kebanyakan bandar raya terkenal dalam sejarah Islam mempunyai sifat-sifat keilmuan dalam bentuk pusat-pusat pengajian yang berperanan sebagai pencetus dan pemangkin kepada kebudayaan ilmu (Noor Shafinaz et al. 2016). Justeru, aspek-aspek ini sangat penting berkaitan dengan memahami konsep perbandaran dawlah 'Uthmāniyyah dan dibincangkan bagi menjawab isu dalam kajian. Penelitian terhadap aspek-aspek tersebut, akhir sekali merumuskan dan menganalisis konsep perbandaran dawlah 'Uthmāniyyah. Oleh itu, kerangka kerja konseptual bagi kajian ini adalah sebagaimana Rajah 2:



Perkara pertama yang perlu dititikberatkan dalam perancangan dan pembinaan sebuah bandar hendaklah berdasarkan kepada bentuk kawasan dan topografi yang sesuai bagi membangunkan sebuah bandar. Hal ini kerana, pembangunan sebuah bandar, pasti akan ada berlakunya aktiviti penambahbaikan untuk kemajuan sesuatu bandar. Contohnya, wujud deretan rumah, pasar-pasar dan taman-taman. Konsep perancangan dan pembangunan hendaklah selaras serta menepati konsep Islam (Saoud, 2004). Sebagai contoh, bandar Istanbul menjadi perhatian orang ramai kerana mempunyai kedudukan yang strategik. Istanbul sebuah bandar yang merentasi bandar di Eurasia, Selat Bosphorus (yang memisahkan Eropah dan Asia), terletak di antara Laut Marmarra dan Laut Hitam. Kedudukan Istanbul yang berdekatan dengan *Silk Road*, menghubungkan Eropah dan juga Timur Tengah dan merupakan satu-satunya jalan laut yang boleh melalui Laut Hitam dan Laut Mediterranean.

Dalam interaksi topografi, lokasi bangunan penting dalam menentukan perkembangan bandar (Detwyler & Marcus, 1985). Selain itu, peranan sebagai pusat atau bandar dapat diperkukuhkan seandainya lokasinya adalah tepat. Pembinaan *Kulliye Suleymaniye* di atas bukit sangat elok terutamanya dikelilingi oleh cerun yang curam serta selamat daripada segi pertahanan dan mengawal

laluan air yang mana kedudukan pusat seperti bandar di atas gunung adalah untuk mempertahankan kota daripada serangan musuh. Di samping itu juga, kedudukan yang tinggi juga memberi pemandangan semula jadi kawasan sekeliling.

Mi'mār Sinān terlebih dahulu mereka pelan binaan dan menzahirkan pelan binaan tersebut pada miniatur untuk menguji dan melihat sejauh mana keindahan dan ketahanan pelan binaan tersebut. Selepas mendapat perkenan Sultan Suleymān al-Qānūni barulah tapak pembinaan *Kulliye Suleymaniye* diperluas dan diratakan. Menjelang Jun 1550M, pembinaan *Kulliye Suleymaniye* telah dimulakan. *Kulliye Suleymaniye* mempunyai keluasan 85,000 meter persegi. *Kulliye* ini dibina di atas runtutan tapak kawasan *Forum of Theodosius* yang dibina oleh pemerintah Yunani terdahulu.

Kulliye Suleymaniye didapati mempunyai ciri keselamatan yang sistematik seperti penggunaan bercerun dengan kaedah teres bertingkat. Hal ini diperkukuhkan oleh kenyataan daripada Freely (1996) bahawa *Kulliye Suleymaniye* dibina di atas puncak bukit ketiga di Istanbul. Dengan kelebihan teres bertingkat tersebut, *Kulliye Suleymaniye* menghadap panorama laut yang indah yang membangkitkan lagi keindahan menerusi panorama, sistem dan keaslian alam sekitar. Kuban (1997) dan Goodwin (1993) menyatakan *Kulliye Suleymaniye* dibina di atas teres pelbagai ketinggian dan disebabkan kawasan *Kulliye Suleymaniye* adalah berbukit bukau, maka seni binanya berinteraksi dengan bukit, lembah, tanah dan panorama persekitaran tersebut. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa *Kulliye Suleymaniye* dibina supaya menjadi sebahagian daripada bukit.

Selain itu, kedudukan *Kulliye Suleymaniye* berhampiran dengan laut mempunyai kelebihan dari segi pembinaan bandar Islam. Kedudukan berdekatan dengan laut memudahkan pengimportan barang-barang dari negara-negara yang jauh. Menurut Ibn Khāldun (1993) bandar yang terletak di kawasan bertebing dan lurah, di puncak dan di sekitarnya dapat terlindung daripada serangan musuh. Dalam hal ini, *Kulliye Suleymaniye* dikaji memenuhi ciri-ciri yang dinyatakan oleh Ibn Khāldun (1993). Ini mempamerkan *Kulliye Suleymaniye* telah diteliti terhadap pemilihan tempat yang sesuai dan baik oleh penciptanya.

Pembinaan Masjid

Salah satu ciri utama dalam perkembangan fizikal bandar dawlah 'Uthmāniyyah ialah kelahiran institusi masjid sebagai tempat perhimpunan sembahyang berjemaah pada hari Jumaat (R.Andre 1994). Masjid ini bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah dan perdagangan, tetapi juga sebagai pusat kegiatan sosial dan sastera di samping berfungsi sebagai madrasah yang memberi ilmu kepada masyarakat awam (Saoud, 2004). Janet (1987), pula memberi definisi sebuah bandar Islam menurut beliau adalah mempunyai sebuah masjid yang unggul dan orang ramai akan berhimpun di dalamnya apabila tiba hari Jumaat dan mempunyai bazar yang berdekatan.

Komponen utama *kulliye* adalah masjid yang berperanan sebagai pusat sosioagama yang menjadi penggerak utama masyarakat. Masjid ini berperanan secara efektif dan telah berjaya membuktikan kemampuannya sebagai komponen utama dalam *Kulliye* dan menjadi institusi penting dalam masyarakat Islam (Israr, 1978). Masjid juga menjadi nukleus kepada aktiviti pembangunan ummah. Dalam masa yang sama, masjid ini menjadi pedoman asas kepada gaya dan penampilan bangunan-bangunan lain. Hal ini telah memberi sumbangan yang besar dalam aspek bangunan dalam Islam.

Fairuzah Basri 2008; Tajuddin Mohmmad Rasdi dan Rosdan Abdul Manan, 2001 telah membahagikan peranan masjid kepada dua kategori iaitu kolektif dan pusat sehati. Dalam

pembahagian kelompok tersebut, titik fokus atau pusat kedua-duanya ialah pusat peribadatan iaitu masjid. Pada awal kemunculan Islam, bangunan- bangunan dalam sejarah Islam mula dibangunkan di sekitar masjid. Masjid tersebut telah berperanan secara efektif dan telah berjaya membuktikan kemampuannya sebagai sebuah pusat sosioagama dengan menempatkan institusi yang penting dalam masyarakat Islam. Dalam hal ini, peranan sebagai sebuah masjid tidak terbatas sebagai tempat bersolat semata-mata sebaliknya masjid merupakan tempat melakukan segala aktiviti umat Islam.

Nangkula Uterberta dan Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi (2014) berpendapat masjid yang dikategorikan sebagai pusat sehenti adalah masjid sebelum era pemerintahan dawah 'Uthmāniyyah yang kebanyakannya mempunyai pelbagai peranan. Sebagai contoh Masjid Madinah pada zaman Rasulullah SAW. dijadikan pusat sosioagama yang bersifat pusat sehenti. Masjid ini memainkan pelbagai peranan seperti pembentukan dan perkembangan ilmu, persidangan bagi perbahasan mengenai hukum-hukum, kenegaraan, ketenteraan dan juga serta turut menyelesaikan permasalahan kemasyarakatan merangkumi pernikahan, perlindungan, keadilan dan kematian

Dengan maksud lain, sebuah bangunan yang memainkan peranan sebagai pusat sehenti, berperanan dalam pemeraksanaan pendidikan, pentadbiran, kesihatan dan lain-lain. Dalam hal ini, masjid adalah pusat pembangunan masyarakat yang terbaik dalam memenuhi tuntutan pelbagai kegiatan masyarakat. Selain itu, kedudukan masjid yang bersatu dengan penempatan penduduk mengoptimumkan peranan masjid sebagai pusat sosioagama.

Hakky (1992) pula menerangkan peranan kolektif masjid mula muncul pada zaman 'Abbāsiyyah. Sejak itu, ia berevolusi sehingga mencapai kegemilangan pada era pemerintahan dawah 'Uthmāniyyah. Perkataan kolektif bermaksud sifat yang bersama-sama atau beramai-ramai sebagai satu kumpulan dalam melakukan sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Peranan kolektif bermaksud himpunan semua bangunan daripada segi fizikal dan peranan kepada masyarakat. Peranan ini merangkumi keperluan kebajikan masyarakat di setiap peringkat dan aspek. Persekitaran masjid telah berkembang hasil daripada aktivitinya mencangkup pusat sosial masyarakat dan tempat peribadatan. Persekitarannya mempunyai bangunan yang berperanan sebagai pendidikan, perubatan penyediaan makanan, perekonomian, penginapan dan perlindungan.

Dalam penulisan Ismawi Zen (2009), *kulliye* mengutamakan masjid dan bangunan agama sebagai pusat segala urusan. Kaedah pembinaan *kulliye* ini telah dipraktikkan oleh pemerintah dawah 'Uthmāniyyah dalam membina masjid. Ia turut diuruskan oleh sistem struktur sosial yang sistematik dan teratur yang terdiri daripada institusi ulama dan institusi wakaf. Hal ini juga dapat difahami melalui peranan kolektif yang dimainkan oleh masjid dalam *kulliye*. Kebiasaannya masjid ini dibina di tengah-tengah kompleks *kulliye*. Sebagai contoh, Masjid *Kulliye Suleymaniye* yang di bina di tengah-tengah *Kulliye Suleymaniye*.

Masjid *Kulliye Suleymaniye* dibangunkan oleh Mi'mār Sinān antara tahun 1550M dan siap sepenuhnya pada 1557M. Masjid *Suleymaniye* dibina sebagai sebuah struktur bangunan yang besar, tinggi dan luas menjadikan ia kelihatan sebuah bangunan agam. Ciri besar dan luas tersebut dapat dilihat pada ciri-ciri bangunannya yang mempunyai ketinggian berganda dan berada atas pelataran yang ditinggikan. Ketinggian Masjid *Suleymaniye* menyerupai ketinggian bangunan empat tingkat. Pada kebiasaannya dalam sektor pembinaan bangunan, sesebuah bangunan dibina dengan meminimumkan kos pembinaan. Namun, perkara seperti itu tidak berlaku dalam Masjid *Suleymaniye*. Sebaliknya, kedudukan Masjid *Suleymaniye* sengaja ditinggikan walaupun dibina dengan kos yang tinggi. Proses penyediaan pelataran ini mengambil masa setahun untuk mendapatkan ketinggian yang

diinginkan, sebagaimana yang direka oleh arkiteknya (Necipoglu, 2005). Ini menjelaskan bahawa kedudukan masjid di tengah, dibina tinggi serta kos yang tinggi mempunyai maksud tersendiri.

Seni Bina Pembangunan Fizikal Bandar & Kulliye

Seni bina bermaksud satu bidang seni bagi mendirikan bangunan, reka bentuk dan reka letak yang dibina oleh manusia (Ahmad Kilani Mohamad, 2003). Batasan seni bina adalah ruang, tata-ruang, bangunan atau tempat hasil dari proses perancangan dan pembangunan dari seorang atau kelompok orang untuk melaksanakan program kegiatan atau keperluan tertentu (Sumalyo, 2000). Ruang pula tidak hanya melibatkan bangunan malah termasuk susun atur bangunan, tata-kota, ruang terbuka seperti taman dan tugu.

Bandar Istanbul asalnya didiami oleh kaum Eropah sebelum diperintah oleh kuasa Islam. Susun atur dan seni bina di kawasan ini berubah-ubah mengikut ketamadunan yang menguasainya. Sebelum penguasaan Islam ke atas kawasan Istanbul berlaku, gereja dianggap sebagai mercu tanda kerana saiznya yang besar dan berkumpulnya kebanyakan aktiviti-aktiviti sosial masyarakat di situ. Kemasukan Islam ke Istanbul seterusnya memerintah kawasan tersebut telah menyebabkan perubahan ke atas beberapa aspek seni bina dan susun atur tempat. Gereja ini masih merupakan di antara kemudahan yang penting, namun ia tidak lagi menjadi lambang utama kepada Istanbul sebagaimana *Kulliye Suleymaniye* di Istanbul terletak di kawasan paksi utama bandar (Bouraoui, 2008).

Kulliye mengandungi kesenian yang diwarisi sejak zaman pra-Islam bangsa Turki sehingga zaman keislaman mereka. Konsep *kulliye* ini telah dibina di seluruh dawlah 'Uthmāniyyah sehingga menjadi identiti seni bina dawlah 'Uthmāniyyah. Ia juga merupakan lambang dalam seni bina Turki yang dipengaruhi oleh seni bina Byzantine, Armenia, Iran dan Mamluk (Abdul Rochym, 1983).

Seni pembangunan *kulliye* dawlah 'Uthmāniyyah dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu *kulliye* berbentuk perbandaran moden (*urban kulliye*) dan *kulliye* berbentuk pedalaman atau kedesaan (*countryside kulliye*) (Peker, 2007). *Kulliye* berbentuk perbandaran moden lazimnya dibina di kawasan bandar utama. Objektif utama pembinaannya adalah untuk memberi kemudahan dalam bidang pendidikan. Antara contoh *kulliye* ini adalah *Kulliye Suleymaniye*. *Kulliye Suleymaniye* mengandungi lahan madrasah dengan setiap madrasah mempunyai 19 bilik darjah. Selain itu, terdapat tiga *annex* atau dewan besar yang boleh menempatkan sebanyak 255 bilik darjah dan setiap bilik darjah dapat menempatkan 4 orang pelajar. Secara keseluruhannya, *Kulliye Suleymaniye* dapat menampung seramai 1000 orang pelajar pada satu-satu masa.



Rajah 4 *Kulliye Suleymaniye*, Istanbul, Turki

Seni pembangunan *kulliye* yang kedua pula ialah *kulliye* berbentuk kedesaan (*countryside kulliye*). Objektif utama pembinaan *kulliye* di kawasan desa atau perkampungan adalah untuk memberi kemudahan kepada para musafir mencari tempat beristirahat. Antara contoh *kulliye* yang dibina di kawasan ini ialah *Kulliye Sokollu Mehmet Paşa*, yang terletak di Lüleburgaz, Turki. *Kulliye Sokollu Mehmet Paşa* ini dibina di kawasan pendalaman dan berdekatan dengan kawasan penduduk setempat. *Kulliye* jenis ini juga dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada penduduk setempat seperti penyediaan makanan percuma atau hostel untuk para musafir.



Rajah 5 Kulliyeh Sokollu Mehmet, Lüleburgaz, Turki

Erarslan (2020) selanjutnya membahagikan *kulliyeh* kepada tiga jenis iaitu *kulliyeh selatin*, *kulliyeh menzil* dan *kulliyeh wazir*. *Kulliyeh selatin* ini dibina untuk sultan, ibu, isteri dan anak-anak mereka seperti *Kulliyeh Haseki Hurrem* yang siap dibina pada 1539M untuk isteri Sultan Suleymān al-Qānūni, Hurrem (1502M-1558M). *Kulliyeh menzil* pula *kulliyeh* yang dibina di laluan utama para pedagang bagi memberi kemudahan kepada para pedagang seperti menyediakan masjid untuk beribadat dan *Karavanserai*. Kebiasaannya pasar dan kedai menjadi tumpuan para pedagang di *Kulliyeh menzil* bagi memasarkan barangan dagangan mereka dan ini dapat membantu menghidupkan ekonomi setempat sebagai contoh *Kulliyeh Sokollu Mehmed Pasha* yang dibina pada tahun 1570M mempunyai 59 buah bangunan kedai yang dibina bersebelahan di antara jalan utama ke Istanbul dari Edirne. Manakala *kulliyeh wazir* pula dibina oleh pembesar kerajaan untuk penempatan peribadi mereka di samping memberi manfaat untuk masyarakat setempat sebagai contoh *Kulliyeh Eyup Zal Mahmud Pasha*, seorang pembesar era Sultan Suleymān al-Qānūni yang dibina pada tahun 1577M.

Menurut Ayduz (2010), rekaan seni bina yang terdapat pada bangunan menggambarkan fungsi sesebuah bangunan tersebut. Contohnya Masjid *Suleymaniye* yang berfungsi sebagai tempat perlindungan dan berteduh bagi masyarakat Islam untuk menunaikan solat berjemaah. Rekaan seni bina yang terdapat di masjid dapat mengekalkan dan menambahkan lagi rasa keagungan terhadap Allah SWT. Seni ukir yang terdapat pada *Kulliyeh Suleymaniye* sememangnya tidak ada tandingan yang sentiasa memberi gambaran tentang kekuasaan dan kekuatan pemerintah. Dalam *Kulliyeh Suleymaniye*, sesetengah kawasan akan dijadikan sebagai tempat persendirian oleh pemerintah. Konsep binaan dan rekaan terhadap *Kulliyeh Suleymaniye* menunjukkan seni bina dawlah

‘Uthmāniyyah. Kebanyakannya ukiran dan reka bentuk bangunan yang terdapat dalam binaan *Kulliye Suleymaniye* diambil dari pengaruh luar yang berjaya ditakluki oleh dawlah ‘Uthmāniyyah seperti Byzantine dan Parsi. Mi‘mār Sinān berjaya menampilkan secara simbolik *Kulliye Suleymaniye* iaitu pertautan di antara bangunan yang megah sebagai lambang Sultan yang besar kekuasaannya tanpa menghilangkan identiti keagungan agama (Abdul Rochym, 1983).

Heidi & Kolb (2008) telah menyatakan di dalam penulisan mereka mengenai konsep penggunaan ruang iaitu amalan-amalan dalam kehidupan seharian memberikan kesan yang kuat terhadap penggunaan ruang. Sebagai contoh dataran awam, ruang di depan kedai-kedai dan bangunan lain, jalan-jalan dan semua ruang persekitaran yang terdapat di *Kulliye Suleymaniye* mencipta kemungkinan untuk aktiviti sosial dalam sesuatu masyarakat. Kewujudan tempat-tempat itu menyumbang kepada pembangunan kehidupan sosial berdasarkan identiti tempatan dan pemilikan emosi secara bersama. Pengkajian yang dilakukan ke atas lokasi *Kulliye Suleymaniye* menunjukkan bahawa *Kulliye Suleymaniye* biasanya dibina sebagai bangunan pusat atau terletak di tengah-tengah kawasan sesuatu kejiranan mahupun bandar dan membantu dalam pertumbuhan aktiviti sosial dan ekonomi di kawasan sekitar.

Pentadbiran

Kedudukan wakaf dalam *Kulliye Suleymaniye* dapat difahami melalui sejarahnya. *Kulliye Suleymaniye* dikategorikan sebagai wakaf diraja. *Kulliye Suleymaniye* merupakan wakaf yang dibiayai oleh Sultan Suleymān al-Qānūni. Wakaf diraja *Kulliye Suleymaniye* juga dikenali sebagai *Suleymaniye Vakfiyesi*. Ia merupakan sebuah institusi yang ditubuhkan bagi mengurus *Kulliye Suleymaniye* ini (Gunay, 2017). *Suleymaniye Vakfiyesi* berperanan untuk mengagihkan semula pendapatan wakaf. Ia merupakan wakaf terbesar dan mempunyai dana yang besar. Oleh sebab institusi wakaf berada di bawah naungan Sultan dan keluarga diraja maka ia merupakan institusi ekonomi dan sosial terbesar yang memiliki aset-aset seperti tanah-tanah pertanian yang luas dan mempelbagaikan pendapatan berhasil hartanah (Orbay, 2017).

Pengagihan semula pendapatan wakaf dilaksanakan dengan mewujudkan *Kulliye Suleymaniye* yang menyediakan kemudahan awam. Melalui wakaf tersebut segala pendapatan luar bandar dari kawasan yang berlainan dikumpulkan dan disalurkan ke dalam ekonomi bandar, pengagihan semula melalui makanan dan pembelian bahan untuk memenuhi kebajikan dan pemeliharaan *kulliye* serta gaji pekerja (Razali Othman, 2013).

Untuk tujuan penyelenggaraan, bangunan-bangunan ini mempunyai pelan-pelan bangunan yang disimpan di setiap siling untuk tujuan penyelenggaraan. Untuk memantapkan lagi urusan penyelenggaraan bangunan, sebuah organisasi yang begitu tersusun dan bersistematik diwujudkan. Mereka mempunyai jawatan seperti penyelia bangunan, jurutera, akauntan, pemasang paip, tukang batu dan pencuci dan pemasang lampu mengikut kemahiran yang dimiliki. Mereka juga mempunyai gelaran seperti Nazir untuk penyelia bangunan, *Mi‘mār* bagi jurutera, *Shāhid al-‘Imārah* bagi akauntan, *Murakhhkhim* bagi tukang batu. Oleh kerana, sistem penyelenggaraan yang dibina adalah tersusun dan bersistematik maka bangunan yang dibina mampu bertahan lama (Razali Othman, 2013).

Sumber

Kos bagi pembinaan dan pembiayaan *kulliye* memakan belanja yang bukan sedikit. Justeru, Sultan Suleymān al-Qānūni telah mewakafkan harta beliau sendiri untuk menampung kos tersebut yang telah membelanjakan hampir 59,760,180 *akce* bagi membina *kulliye* yang dinamakan sempena nama beliau ('Abd al-Karim Zaydan, 1989). Wujud pelbagai sumber kewangan yang membiayai *Kulliye Suleymaniye* ini walaupun semua peruntukan ini diletakkan di bawah pengurusan wakaf *Suleymaniye Vakfiyesi*. Antaranya ialah daripada kewangan dan pendapatan beliau sendiri. Dalam dawlah 'Uthmāniyyah, sultan memperoleh pendapatan melalui pelbagai sumber yang dikumpulkan daripada kebun, hasil tanah yang dibangunkan dan hasil cukai berbentuk wang tunai daripada wilayah seperti Belgrade, Rhodes dan Malta yang dibayar setiap tahun. Wilayah-wilayah seperti Belgrade, Rhodes dan Malta ini dikuasai oleh Sultan Suleymān al-Qānūni sebaik sahaja menaiki takhta pemerintahan pada tahun 1522M.

Seperti yang direkodkan, hasil sumber pengurusan wakaf *Suleymaniye Vakfiyesi* sangat banyak meliputi wilayah-wilayah yang dikuasainya. Menurut Murphey (2012), ekonomi berasaskan produk desa merupakan elemen yang sangat penting untuk Rumelia bermula pada abad ke-16M. Antara perusahaan yang menjadi sumber pendapatan dawlah 'Uthmāniyyah era Sultan Suleymān al-Qānūni ialah hasil yang dieksport seperti kuda, unta dan kambing biri-biri.

Aset yang diwakafkan oleh Sultan Suleymān al-Qānūni untuk wakaf *Suleymaniye Vakfiyesi* wujud dalam pelbagai bentuk. Hasil yang diperoleh daripada harta-harta tersebut sama ada melalui sewaan dan sebagainya kemudiannya disalurkan ke pengurusan wakaf *Suleymaniye Vakfiyesi* untuk pelbagai tujuan kebajikan seperti pembiayaan kesihatan di *Kulliye Suleymaniye*. Kajian Singer (2008) mendapati bentuk-bentuk harta wakaf *Suleymaniye Vakfiyesi* terdiri daripada tanah pertanian, bangunan-bangunan komersial yang disewakan, kilang, ladang, rumah dan sebagainya. Selain itu, sumber dana wakaf pengurusan wakaf *Suleymaniye Vakfiyesi* juga diambil daripada hasil sewaan bangunan di Istanbul seperti *tabhane*, *hamam*, gudang, pasar, kedai-kedai, rumah-rumah penduduk dan pusat sembelihan yang dianggarkan memberi pulangan sebanyak 1.000.000 *akce* setahun (Yediyildiz, 2000). Ipsirli (2001) juga menjelaskan bahawa Suleymān al-Qānūni mengumpulkan dana wakaf untuk *kulliye* beliau melalui hasil pembinaan bazar besar yang mengandungi 110 buah kedai.

Di samping itu, menurut Boyar & Fleet (2010) turut menambah bahawa dana pengurusan wakaf *Suleymaniye Vakfiyesi* ini juga diambil daripada sewaan beberapa tanah dan bangunan perniagaan yang berbeza. Antaranya ialah daripada sewaan 217 buah pekan dan 34 buah tanah subur yang berkeluasan 220 ekar di sekitar jajahan dawlah 'Uthmāniyyah, dua buah pulau iaitu pulau Gokceada dan Semadirek, 30 dusun, dua buah pelabuhan dan empat buah *hamam*.

Menurut Freely (1996), *Kulliye Suleymaniye* mendapat peruntukan kewangan daripada dana wakaf sebanyak 9,039,602 *akce* setahun. Selain itu, *Kulliye Suleymaniye* ini juga menerima wakaf dalam bentuk taman bunga, gudang pasar dan deretan kedai untuk pembiayaan pengurusannya. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam dokumen wakaf *Kulliye Suleymaniye* bahawa semua kos operasi *Kulliye Suleymaniye* adalah ditanggung oleh pihak *Kulliye Suleymaniye* tanpa mengira status dan kedudukan penerima. Penerima tidak dikenakan sebarang syarat pembayaran. Selain itu, Inalcik (2000) turut menjelaskan secara terperinci jumlah pembahagian dana wakaf *Kulliye Suleymaniye* yang memperuntukkan sebanyak 869,280 *akce* untuk pembayaran gaji pekerja seramai 748 orang pekerja. Segala perkhidmatan yang diberikan semata-mata kerana Allah SWT (Nagamia, 2003).

Kesemua perkhidmatan yang diberikan secara percuma di *Kulliye Suleymaniye* ini menggunakan dana wakaf yang diperuntukkan oleh Sultan Suleymān al-Qānūni dalam pengurusan wakaf *Suleymaniye Vakfiyesi*.

Intelektual

Aspek intelektual antara aspek terpenting dalam pembangunan sebuah bandar. Masyarakat yang berilmu akan mewujudkan sebuah negara yang maju. *Kulliye* memainkan peranan yang penting dalam perkembangan keilmuan dawlah ‘Uthmāniyyah khususnya dalam bidang sains. Menurut Sari (1998) dengan terbinanya *kulliye*, bidang ilmu sains ini menjangkau ke tahap yang lebih tinggi seperti dalam bidang perubatan, astronomi, matematik dan kejuruteraan. Sebagai contoh perkembangan dalam bidang ilmu perubatan yang meliputi penemuan berbagai terminologi perubatan, ramainya bilangan doktor yang berkelayakan, terhasilnya buku-buku yang menjadi rujukan penting dalam bidang perubatan dan seterusnya penubuhan hospital dengan wad-wad khas untuk berbagai jenis penyakit. Ini kerana, *kulliye* bukan sahaja berperanan untuk memberi rawatan penyakit, malahan turut berfungsi sebagai pusat pengajian ilmu perubatan. Beberapa contoh *kulliye* terbabit adalah seperti *Kulliye Fātiḥ* (yang terletak di Istanbul dan dibina oleh Sultan Mehmed II al-Fātiḥ pada tahun 1470M), *Kulliye Bāyezīd* (yang terletak di Edirne dan dibina pada tahun 1488M oleh Sultan Bāyezīd II), *Kulliye Hafsa Sulṭān* (yang terletak di Manisa dan dibina pada tahun 1522M oleh Sultan Suleymān al-Qānūni) dan *Kulliye Suleymaniye* (yang terletak di Istanbul dan dibina pada tahun 1550M oleh Sultan Suleymān al-Qānūni). *Kulliye* terbabit memainkan peranan yang penting dalam melatih para doktor selain merawat pesakit. Namun begitu, fungsi *kulliye* ini sebagai hospital hanya bertahan sehingga pertengahan abad ke-19M ketika mana hospital dengan gaya Eropah mula bertapak (Ahmad Sobrie Haji Ab Rahman & Roziah Sidek @ Mat Sidek 2017).

KESIMPULAN

Konklusinya, terdapat lima prinsip perbandaran dawlah ‘Uthmāniyyah yang terdapat dalam *Kulliye Suleymaniye*. Pertama kedudukan semula jadi yang strategik. Kedudukan topografi yang strategik akan membantu proses pembangunan bandar kerana sebuah bandar tidak akan berdiri kukuh sekiranya kawasan tersebut sering dilanda banjir ataupun tidak subur. Kedua pembinaan masjid, hal ini kerana, masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat beribadah, tetapi juga berfungsi sebagai pusat pentadbiran dan pendidikan. Ketiga pentadbiran sistem pentadbiran berfungsi dalam mengawal urusan yang berkaitan dengan *kulliye*. Keempat intelektual, perkembangan ilmu pengetahuan memberi kesan terhadap perkembangan tamadun. Akhir sekali, seni bina sebagai pembinaan material pembangunan yang menunjukkan bahawa sebuah bandar itu berjaya mencapai peringkat yang tertinggi dalam peradaban Islam. Kelima-lima prinsip ini berjaya membangunkan Islam sebagai sebuah tamadun yang sangat dikagumi oleh seluruh masyarakat dunia.

RUJUKAN

- Abdul Rochym. (1983). *Sejarah arsitektur Islam: Sebuah tinjauan*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Ahmad Kilani Mohamad. (2003). Islam dan rekabentuk. Dlm. Mohd. Yusof Othman (Ed.), *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains, Teknologi dan Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sobrie Ab Rahman & Roziah Sidek @ Mat Sidek. (2017). Role and Contribution of Ottoman Science Institutions in the Development of Muslim Civilization: Spotlight on 16th Century. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(8), 462-468.
- Dahlan, Ahmad Zaini. (1992). *Al-Daulah al- 'Uthmaniyat min al-Kitab al-Futuhat al- Islamiyat ba 'da Mudi al-Futuhat al-Nabawiyah*. Al-Juz al-Thani. Istanbul Turki: Maktabat al-Haqiqah.
- Ahmad Zaki Abd. Latif. (2011). *Perbandaran di Timur Tengah :Kesannya Terhadap Masyarakat Islam abad I-III Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andre, R. (1994). Islamic City, Arab City: Orientalist Myths and Recent Views. *British Journal of Middle Eastern Studies*. 21(1): 3-18.
- Avcioglu, N. (2024). The Külliye as Hypotext: a New Reading of Ottoman Imperial Mosques and Tombs. *Journal of Material Cultures in the Muslim World*, 4(2), 230-251.
- Aslapana, O. (1971). *Turkish Art and Architecture*. London: Faber and Faber Ltd.
- Ayduz, S. (2010). Süleymaniye medical madrasa (dār al-tib) and its importance in the history of Ottoman Medicine. *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine (JISHIM)*; 8-9(15-18):47-48
- Bakir, B., & Basagaoglu, I. (2009). The effects of the medical functions on architecture in Süleymaniye Dar'us Sifa of the Ottoman Dar'us Sifas. *Bulletin of the Transilvania University of Brasov. Medical Sciences*. Series VI, 6, 71.
- Bouraoui, I. (2008). The architecture of public baths of Tunisia: a typological analysis. *International Journal of Architectural Research: ArchNet-IJAR*, 2(3), 80-92.
- Boyar, E & Fleet, K. (2010). *A Social History of Ottoman Istanbul*. New York: Cambridge University Press.
- Childe, V. G. (1950). The urban revolution. *The town planning review*, 21(1), 3-17.
- Detwyler, T.R., & Marcus, M.G. (1985). *Pembandaran dan persekitaran: Geografi fizikal bandar*. (Terj. Sulung Mohamad). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dumreicher, H., & Kolb, B. (2008). Place as a social space: Fields of encounter relating to the local sustainability process. *Journal of environmental management*, 87(2), 317-328.
- Ediz, Ö., & Ostwald, M. J. (2012). The Süleymaniye Mosque: a computational fractal analysis of visual complexity and layering in Sinan's masterwork. *ARQ: Architectural Research Quarterly*, 16(2), 171-182.
- Erarslan, A. (2020). *Mimar Sinan Era Kulliyes in the Ottoman Urban Landscape*. *Belleten*, 84(299), 75-104.
- Ergin, N. (2008). Healing by design? an experiential approach to early modern Ottoman hospital architecture. *Turkish Historical Review*, 6, 1-37.
- Fairuzah Basri (2008). *Tamadun Islam dan tamadun Melayu: Perkembangan dan isu kontemporari*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Freely, J. (1996). *Sinan: Architect of Suleyman the magnificent and the Ottoman golden age*. London: Thames and Hudson.

- Freely, J. (2011). *A history of Ottoman architecture*. Wit Press.
- Goodwin, G. (1993). *Sinan Ottoman Architecture and its values today*. London: Saqi Books
- Gunay, R. (2016). *Sinan: The architect and his works*. Istanbul: Yem Yayin.
- Hakim, B.S. (1986). *Arabic Islamic Cities: Building and Planning Principles*. London: KPI Limited.
- Inalçik, H. (2000). *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*. London: Orion Publishing Co.
- ‘Ibn Khāldūn, ‘Abd al-Rahman. (1993). *Muqaddimah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.
- Ipsirli, M. (2001). Ottoman state organization. Dlm. Ihsanoglu, E. (pnyt.). *History of the Ottoman State, Society & Civilisation*, hlm. 133-282. Istanbul: Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA).
- Ismawi Zen. (2009). *An anthology of essays on integrating Islamic values in the theory and practice of architecture and the built environment*. Kuala Lumpur: Kuliyyah of Architecture and Environmental Design International Islamic University Malaysia.
- Israr, C. (1978). *Sejarah Kesenian Islam*. Jakarta: Bulan Bintang
- Janet, A.B. (1987). The Islamic City – Historic Myth, Islamic Essence and Contemporary Relevance. *Internasional Journal of Middle East Studies*.19(2): 155-176.
- Kan, T., Buyuksalih, G., Enc Ozkan, G., & Baskaraca, P. (2019). Rapid 3D digitalization of the cultural heritage: A case study on Istanbul Süleymaniye Social Complex (Kulliye). *The International Archives of the Photogrammetry, Remote Sensing and Spatial Information Sciences*, 42, 645-652.
- Kamus Dewan. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kolay, İ. A., & Çeli k, S. (2006). Ottoman stone acquisition in the mid-sixteenth century: The Süleymaniye Complex in İstanbul. *Muqarnas*, 23, 251-272.
- Kuban, D. (1987). The style of Sinan's domed structures. *Muqarnas*, 4, 72-97.
- Kuban, D. (1997). *Sinan's art and Selimiye*. Istanbul: Economic and Social History Foundation.
- Kuran, A. (1968). *The mosque in early Ottoman architecture*. Publications of the Center for Middle Eastern Studies.
- Kuran, A. (1987). *Sinan: The grand old master of ottoman architecture*. Institute of Turkish Studies ; Ada Press.
- Nagamia, H. F. (2003). Islamic medicine history and current practice. *JISHIM*, 2(4), 19-30.
- Martelius, J. (2015). The Süleymaniye Complex as the centre of the world. *A| Z ITU Journal of the Faculty of Architecture*, 12(2), 49-57.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan. (2001). *Konsep perbandaran Islam suatu gagasan alternatif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Murphey. (2012). The Ottoman Economy in the Early Imperial Age. In *The Ottoman World*. London & New York: Routledge
- Nangkula Utaberta & Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi. (2014). *Seni bina Islam berdasarkan seni bina organik dan nilai Islamiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Necipoğlu-Kafadar, G. (1985). The Süleymaniye Complex in Istanbul: An interpretation. *Muqarnas*, 92-117.
- Necipoglu, Gülru. (2005). *The age of Sinan: Architectural culture in the Ottoman Empire*. London: Reaktion Books.

- Nor Syafinaz Md. Safar, Shamsul Azhar Yahya, Ismar M. S. Usman & Abdul Halim Ismail. (2016). Ibn Khaldun's theory, principles and concepts on urban planning. *Journal Design + Built* V(1): 1-8.
- Peker, A.U.(2007). *Amasya Sultan II, Beyazid Kulliye*. Turkey: Tasarim Merkez Dergi.
- Petersen, A. (1996). *Dictionary of Islamic architecture*. London and New York: Routledge.
- Rafee Hakky. (1992). The Ottoman Kulliye between 14th and 17th centuries: Its urban setting and spatial composition. Tesis Doktor Falsafah, State University, Virginia. Tidak Diterbitkan
- Razali Othman. (2013). *Institusi wakaf: Sejarah dan amalan masa kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogers, J.M. (2006). *Sinan*. London: Oxford Centre for Islamic Studies
- Rosenthal, E. I. (1940). Ibn Khaldūn: A north African Muslim thinker of the fourteenth century. *Bulletin of the John Rylands Library*, 24(2), 307-320.
- The oxford english-arabic dictionary of current usage*. (1972). Clarendon Press.
- Saoud, R. (2004). *Muslim architecture under Ottoman patronage (1326-1924)*. FSTC Limited, Manchester.
- Sakr, Y. M. (2014). Sinan's Ambivalence: The Triangular Design of the Süleymaniye Schools Complex in Istanbul. *Journal of the Society of Architectural Historians*, 73(3), 398-416.
- Sari, N. (1988). Educating the Ottoman physician. *Tip Tarihi Arattırmalart-History of Medicine Studies* 2: 40–64.
- Singer, A. (2008). *Charity in Islamic societies*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Sumalyo, Y. (2000). *Arsitektur Mesjid dan Monumen Sejarah Muslim*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Union acadadmique internationale. (1986). *Encyclopaedia of islam : vols. i-xii indices and fascicles* (New). Brill.
- Watenpauhg, H. Z. (2004). The image of an Ottoman city. In *The Image of an Ottoman City* (pp. 211-233). Brill.
- Yediyıldız, B. (2000). Turkish wakf, or turkish system of charities in the Ottoman era. *Cicek* 3(1): 763-789.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1989). *Al-madkhal li dirasat al-syari'at al-Islamiyyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.